

PENDALILAN DARURAH DALAM ISU MUAMALAT BAGI KEPUTUSAN MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA

*The Argument Of Darurah In Muamalat Issues In Decisions Of The Fatwa
Commitee Of The National Council For Islamic Religious Affairs Malaysia*

Ahmad Murshidi Mustapha

Pensyarah Kanan Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Universiti Teknologi MARA (UiTM), ahmadmurshidi@uitm.edu.my

Abstrak

Antara faktor berlakunya perubahan hukum syarak adalah kerana hajat dan darurah. Islam meraikan perubahan hukum untuk memastikan umat tidak berada dalam kesukaran dan kesusahan untuk melaksanakan tuntutan syarak. Namun, kedudukan darurah tidak boleh diambil mudah tanpa penilaian yang tepat. Aspek darurah bukan sahaja dipertimbangkan pada pertimbangan maqasid shariah dalam konteks kemudaratan dan kemaslahatan sahaja, bahkan perlu diperincikan kemudaratan tersebut pada agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Pendalilan dan penghujahan yang tidak tepat akan menyebabkan berlakunya kesilapan dalam penilaian bagi isu darurah. Hal ini juga akan memberi kesan kepada bermudah-mudah dengan hukum dengan alasan darurah. Darurah yang dialami bukan sahaja dalam konteks ibadat semata-mata, bahkan meliputi muamalat, munakahat dan lain-lain. Memandangkan isu muamalat antara yang sering diperbahaskan dan keputusan muzakarah dalam aspek muamalat ini antara yang banyak diputuskan oleh pihak Jawatankuasa Fatwa MKI, justeru, kajian ini akan menjelaskan kedudukan darurah dalam pengeluaran hukum dan mengenalpasti pendalilan darurah dalam isu

Abstract

Among the factors that change the islamic law is because of hajat and darurah. Islam accepts the changes in the islamic law to ensure that the ummah is not in difficulty in implementing the Shariah orders. However the position of darurah cannot be taken lightly without proper assessment. The aspect of darurah is not only considered in the consideration of maqasid shariah in the context of harm and benefit only, but also the harm to religion, life, intellect, lineage and property should be detailed. The failure in using correct evidence and argument will result in errors for darurah issues. This will also effect to the laws which people will take easy by using the reason of darurah. Indeeds, darurah is not only happen in ibadat, but also covers muamalat, munakahat and others. Because the issue of muamalat is one of the most debated and the decision of muzakarah in this aspect of muamalat is among the many decided by The National Council for Islamic Religious Affairs Malaysia (MKI), therefore, this study will explain the position of darurah in the islamic law and identify the argument of darurah in the issue of muamalat. This study focuses on the results of the muzakarah that has been issued by the MKI Fatwa Council because this institution is authorize as used to clarify the legal status of current

muamalat. Kajian ini tertumpu kepada keputusan muzakarah yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa MKI kerana institusi ini merupakan badan yang berautoriti sebagai penjelas hukum pada peringkat kebangsaan di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif melalui pengumpulan data sekunder yang dianalisis secara analisis kandungan. Dapatan menunjukkan bahawa pendalilan oleh jawatankuasa bagi isu darurat dalam muamalat merangkumi dalil al-Quran dari surah A-Baqarah ayat 185, al-Haj ayat 78, al-Baqarah ayat 173 dan al-An'am ayat 119. Hanya satu Hadis sahaja yang digunakan sebagai dalil dan 10 kaedah fihiyyah yang menjadi penguat serta sokongan bagi dalil al-Quran dan Hadis. Jawatankuasa juga menekankan aspek maqasid shariah dan juga berpandukan kepada fakta statistik sebagai penguat hujah. Dalil-dalil dan hujah ini menjadi sandaran dalam menentukan hukum bagi isu-isu yang melibatkan darurat khususnya dalam muamalat.

Kata kunci: Pendalilan, darurat, fatwa, muamalat

islamic issues in Malaysia. This study is qualitative in nature through the collection of secondary data that is analyzed by content analysis. The findings show that the argument by the committee for the issue of darurat in muamalat includes the evidence of the al-Quran from surah al-Baqarah verse 185, al-Haj verse 78, al-Baqarah verse 173 and al-An'am verse 119. Only one Hadith is used as evidence and 10 fihiyyah methods that reinforce and support the evidence of the al-Quran and Hadith. The Council also emphasizes the aspect of maqasid shariah and also guided by statistical facts as a reinforcer of the argument. These evidences are the basics in determining the islamic law for issues in darurat, especially in muamalat.

Keywords: The arguments, darurat, fatwa, muamalat

PENDAHULUAN

Situasi yang dialami oleh seseorang dalam melaksanakan tuntutan agama pada sesetengah keadaan adalah berbeza antara satu sama lain. Oleh kerana itu Islam meraikan kedudukan *darurah*, hajat dan juga keuzuran dalam menetapkan sesuatu hukum. Hal ini sebagai memudahkan dan meringankan bebanan taklif sesuai dengan keadaan kemampuan seseorang. Sesuai dengan keperluan *maqasid*, fleksibiliti hukum akan meringankan pelaksanaan tuntutan taklif tanpa meninggalkannya secara total. Dalam masa yang sama, terkadang berlaku pengguguran taklif kerana *darurah* yang dihadapi. Perubahan hukum ini berdasarkan prinsip *maqasid shariah* iaitu menjaga kemaslahatan dan menolak kemudaratan (Al-Susuh: 2011). Menurut Ismail Kaukasal⁽²⁰⁰⁰⁾ antara penyebab kepada perubahan hukum syarak ialah *darurah* dan hajat. Hal ini sesuai dengan tujuan pensyariatian iaitu mengutamakan *masalah* yang lebih besar dan melakukan kemudaratan yang kecil semata-mata untuk menghilangkan kemudaratan yang lebih berat (Al-Kailani: 2006).

Menurut Khalid Abdullah (2008), dalam keadaan *darurah* ini, para ulama perlu memainkan peranan untuk membantu masyarakat agar tidak berada dalam kesukaran secara mutlak, sehingga menutup ruang keluasan syariat. Para ulama juga perlu memandu masyarakat agar tidak terlalu memudahkan sebarang hukum sehingga melonggarkan ikatan taklif. Peranan mereka melalui ijtihad menunjukkan keluasan hukum-hukum *fiqh*. Kemampuan berijtihad memerlukan penguasaan kepada ilmu-ilmu ijtihad seperti ilmu bahasa Arab, ilmu *dirayah* hadis, ilmu *usul fiqh*, ilmu *maqasid*, ilmu *khilaf*, ilmu kemanusiaan serta kemasyarakatan, *ijma'* ulama dan pemahaman kepada ayat al-Quran serta hadis hukum (Al-Zuhaili: 2011). Penguasaan ilmu-ilmu tersebut dapat membantu para ulama merungkai permasalahan semasa yang tidak terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah dalam segenap aspek serta dapat menzahirkan fleksibiliti hukum *fiqh*. Sekalipun syariat ini bersifat dengan tolak ansur, namun hal ini tidak membuka ruang untuk meninggalkan sebarang tuntutan dengan alasan keuzuran yang menyusahkan atau menyempitkan seperti meninggalkan solat dengan alasan sakit (Al-Zuhaili: 1985).

DARURAH DALAM PENGELUARAN HUKUM

Pengurusan hukum hakam semasa perlu ditangani dengan teliti melalui penilaian kepada pelbagai sudut seperti *fiqh* semasa, *masalahah* umum atau khusus, *darurah* dan sebagainya. Seorang mujtahid berkeperluan dalam menguasai ilmu asas untuk melakukan ijtihad seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Hal ini akan membantu untuk merungkaikan permasalahan semasa dengan dibantu beberapa pakar dalam bidang tertentu.

Dalam menangani masalah hukum semasa dan setempat, ulama akan menilai kepada *masalahah* dan *mafsadah*. Namun, menurut Ridzwan Ahmad (2005), perbincangan kedua-dua konsep tersebut secara berasingan jarang ditemui dalam karya-karya silam. Menurut beliau juga, konsep *masalahah* iaitu menghasilkan *masalahah* dan menolak *mafsadah* sudah terangkum bersamasamanya konsep *darurah*. Walaubagaimana pun, terdapat para ulama yang mengasingkan perbincangan kedua-duanya memandangkan kedudukan *darurah* terkadang lebih diutamakan daripada *masalahah*. Sebagai contohnya, kaedah *درء المفساد مقدم على جلب المصالح* (menolak kemudaratan diutamakan daripada menghasilkan kemaslahatan) menunjukkan bahawa *darurah* akan didahulukan daripada *masalahah*.

Darurah dalam perubahan hukum adalah bersandar kepada dalil-dalil yang jelas dari al-Quran dan al-Sunnah. Menurut Abdul Wahab Ibrahim (1993) dan Muhammad Fuad al-Barazi (2009), antara nas al-Quran yang *sorih* sebagai dalil dalam *darurah* ialah surah al-Baqarah ayat 173, al-An'am ayat 145 dan

119, al-Nahl ayat 115 dan al-Maidah ayat 3. Selain daripada itu, terdapat nas yang tidak *sorih* sebagai dalil dalam isu *darurah*, antaranya surah al-Baqarah ayat 185, al-Nisa' ayat 28, al-Haj ayat 78 dan al-Maidah ayat 6. Pemahaman konsep *darurah* perlu jelas mengikut keadaan semasa kerana penggunaannya tanpa parameter yang sesuai akan menimbulkan kecelaruan bagi hukum yang terikat dengan 'illat ini. Meraikan *darurah* yang menimpa sama ada pada sudut individu atau kelompok akan mengharuskan sesuatu yang dilarang daripada aspek pemakanan, pemakaian, akad muamalat dan sebagainya (Ahmad Murshidi: 2019). Namun, hal ini tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya kerana untuk mengharuskan perkara dilarang memerlukan 'illat *darurah* yang jelas serta terperinci. Bahkan kebanyakan daripada perkara tersebut sebenarnya berada pada posisi hajat yang menduduki tahap *darurah*. Keadaan ini adalah untuk memudahkan umat manusia serta menghilangkan kesempitan dan kesukaran yang dialami (Al-Qaradawi: 2001).

Penilaian *darurah* salah satunya adalah daripada sudut penjagaan *maqasid* yang lima iaitu agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Kesan kepada *maqasid* ini akan merubah kedudukan asal hukum daripada 'azimah kepada *rukhsah*. Inilah fleksibiliti agama Islam yang bukan membebankan penganutnya, akan tetapi memudahkan pelaksanaan tuntutan berdasarkan kemampuan yang dalam batasan syarak. Al-Raisuni (2007) berpendapat bahawa memahami kedudukan sebenar bagi *darurah* ini adalah suatu keperluan kerana betapa ramai pada masa kini yang menjadikan *darurah* sebagai *fiqh waqi'e* (*fiqh* semasa) sehingga terjerumus dalam dosa dan kemaksiatan. Antaranya seperti keharusan muamalat dengan institusi riba, keharusan dalam bab aurat ketika menerima rawatan dan seumpamanya, tanpa melalui perincian *darurah* yang tepat. Oleh itu, menurut Abu Syawish (2013), menjadi satu keperluan kepada ulama, meraikan *darurah* dan juga hajat terutama yang melibatkan *fiqh* semasa. Dengan wujudnya dua perkara tersebut, pendapat yang *marjuh* mungkin akan didahulukan berbanding pendapat yang *rajih* atau kedudukan hukum asal akan berubah kepada hukum yang lain. Oleh kerana itu, syarak mengambilkira *darurah* dalam penetapan hukum dan natijahnya adalah untuk menolak *darurah* itu sendiri (Muhammad:2011).

Kedudukan *darurah* tidak hanya berlaku dalam aspek ibadat semata-mata. Perbahasan ini menyeluruh sama ada dalam ibadat, muamalat, munakahat serta jenayah. Bahkan, *darurah* juga akan berlaku dalam akidah sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Quran surah al-Nahl ayat 106. Permasalahan *darurah* perlu difahami dengan betul untuk penentuan hukum yang sesuai lebih-lebih lagi isu *al-nawazil* iaitu permasalahan semasa yang belum

diputuskan hukum oleh para ulama melalui ijtihad. Dalam konteks muamalat, isu *darurah* sering kali ditimbulkan kerana perubahan transaksi dan proses yang berubah dari masa ke semasa.

Isu-isu *darurah* yang berlaku dalam muamalat tersebut menjadi perhatian para ulama untuk dibahaskan. Hal ini kerana, dalam muamalat terdapat larang-larang khusus yang perlu diambil perhatian antaranya riba, *maisir* dan juga *gharar*. Sebagai contoh urusan pinjaman di Barat yang terlibat dengan riba, telah diharuskan oleh Majlis Penyelidikan Fatwa Eropah untuk diambil oleh golongan minoriti muslim di sana (Muhammad Safwan Harun, Luqman Abdullah & Abdul Karim Ali: 2020). Di Malaysia pula, aplikasi *tawaruq munazam* diharuskan dengan berhujahkan keperluan semasa, sedangkan ia telah difatwakan haram oleh OIC pada tahun 2009 (Sumayyah Abdul Aziz & Ridzwan Ahmad: 2016). Menurut Sumayyah Abdul Aziz & Ridzwan Ahmad (2016) juga, asas epistemologi dalam penentuan hukum bagi muamalat tidak akan lagi dari sains '*fiqh*' dan '*usul fiqh*' dan ini menjadi asas utama para ulama kontemporari secara khususnya. Bin Bayyah sebagai contoh mengetengahkan prinsip *darurah fiqhiyyah* dan *darurah usuliyyah* bagi aplikasi hukum yang berbentuk sementara kesan daripada pengecualian daripada hukum asal iaitu '*azimah*'. Sebagaimana juga Al-Wahbah, beliau menyatakan teori *darurah* sebagai kaedah pengecualian (*istisnaiyyah*) dalam prinsip syarak. Situasi *darurah* yang pelbagai termasuklah *Al-'Ushr Wa 'Umum Al-Balwa*, *Istihsan Al-Darurah*, *Maṣlahah Mursalah Li Al-Darurah* serta *Uruf* diaplikasikan kepada beberapa transaksi kewangan Islam .

Memandangkan isu muamalat merupakan perkara yang penting dan sering berlaku dalam kehidupan seharian seorang muslim, pengkaji memilih aspek *darurah* dalam muamalat sebagai fokus kajian untuk dikaji. Justeru kajian ini akan mengenal pasti dalil dan hujah yang telah digunakan oleh Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dalam penetapan hukum khusus bagi isu yang melibatkan *darurah* dalam muamalat. Tumpuan adalah kepada keputusan muzakarah dalam bidang muamalat yang terpilih dan analisis pemilihan keputusan adalah daripada tahun 1970 hingga 2015.

PENDALILAN DAN PENGHUJAHAN DARURAH DALAM KEPUTUSAN MUZAKARAH YANG BERKAITAN DENGAN MUAMALAT

Penggunaan istilah fatwa terhadap pandangan hukum oleh Jawatankuasa Fatwa MKI ataupun Jawatankuasa Fatwa Negeri dalam kalangan masyarakat Malaysia sudah menjadi perkara yang lazim. Namun pada hakikatnya fatwa hanya keputusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri dan diwartakan. Fatwa yang telah diwartakan akan terikat dengan

penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan. Fatwa lebih tertumpu kepada satu hukum sahaja sebagai penjelasan bagi isu yang timbul dalam masyarakat (Mohd Daud Bakar: 1997). Justeru, penetapan hukum oleh Jawatankuasa Fatwa MKI adalah berbentuk penjelasan hukum yang tidak diikat dengan undang-undang. Namun daripada pandangan syarak, ia adalah fatwa tetapi dari sudut undang-undang tidak dapat dikuatkuasakan melainkan apabila negeri mewartakannya (Zaini Nasohah: 2005).

Dalam kajian ini, pengkaji memilih beberapa keputusan muzakarah dalam skop muamalat yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) untuk dianalisis dalil yang digunakan dalam aspek *darurah*. Pemilihan ini berdasarkan penelitian terhadap keputusan muzakarah dan juga penghujahan jawatankuasa dalam kertas muzakarah dengan dalil-dalil *darurah*. Dalil-dalil *darurah* dinyatakan beserta penjelasan yang dikemukakan oleh pihak Jawatankuasa Fatwa (MKI). Berikut merupakan keputusan-keputusan muzakarah yang terpilih untuk dianalisis:

1. Penyucian Dividen Simpanan Ahli KWSP Sedia Ada Sebelum Bertukar Ke Akaun KWSP Yang Diuruskan Mengikut Prinsip Syariah (KWSP-Islamik)

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Bil. 2/2015 yang bersidang pada 18 Ogos 2015 telah membincangkan mengenai isu Penyucian Dividen Simpanan Ahli KWSP Sedia Ada Sebelum Bertukar Ke Akaun KWSP Yang Diuruskan Mengikut Prinsip Syariah (KWSP-Islamik). Berikut merupakan dalil dan hujah *darurah* yang telah dikemukakan oleh pihak jawatankuasa:

Dalil-dalil al-Quran:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarah ayat 185:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Ertinya: “Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran”.

2. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Haj ayat 78 :

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Ertinya: “dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara ugama”.

Dalil Hadis:

Pengecualian bagi penyucian dividen ini adalah salah satu daripada cara untuk menggalakkan seramai mungkin ahli KWSP terutama yang muslim untuk memilih KWSP yang islamik. Sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W:

بَشِّرُوا وَلَا تُنْفِرُوا وَيَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا

Ertinya: “*khabarkan berita gembira dan jangan menyebabkan mereka lari, dan mudahkan dan jangan susahkan*”.

Dalil kaedah *fiqhiyyah*:

المشقة تجلب التيسير والأمر اذا ضاق اتسع (kesukaran menarik kemudahan dan sesuatu apabila sempit akan diluaskan)

Kaedah ini perlu diaplikasikan dalam isu dividen KWSP ini kerana bersangkut paut dengan masalah majoriti ahli KWSP terutamanya yang muslim yang tidak mempunyai simpanan persaraan yang mencukupi. Hal ini boleh menjejaskan perkara *daruriyyat* terutamanya menjaga nyawa, zuriat dan harta.

Dalil-dalil lain:

1. Menurut uruf atau amalan perbankan dan kewangan Islam di Malaysia, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak mewajibkan pelanggan perbankan Islam untuk menyucikan terlebih dahulu pendapatan yang tidak patuh Syariah sebelum berpindah kepada yang patuh Syariah.
2. Majoriti ahli KWSP mempunyai simpanan di bawah kadar simpanan asas dan sekiranya diwajibkan pembersihan dividen yang telah mereka terima selama ini, ianya akan menimbulkan *masyaqqah* dan *darar* (kemudaratan) ke atas mereka. Antara hujahnya ialah:
 - i. KWSP mensasarkan simpanan asas bagi ahli berumur 55 tahun mencapai sekurang-kurangnya RM 196 800 bagi membolehkan pesara mendapat RM 820 sebulan selama 20 tahun. Namun kadar ini masih di paras garis kemiskinan untuk isi rumah yang ditentukan kadar bulanan ialah RM 830.
 - ii. Sebanyak 50% daripada pesara menghabiskan wang simpanan KWSP dalam tempoh 5 tahun.

2. Kajian Terhadap Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21 - 22 Oktober 2014 telah

membincangkan Kajian Terhadap Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST). Berikut merupakan dalil dan hujah *darurah* yang telah dikemukakan oleh pihak jawatankuasa:

Dalil kaedah-kaedah *fiqhiyyah*:

1. اذا تعارضت مفسدتان روعى أعظمهما بارتكاب أخفهما (apabila bertembung dua kerosakan maka diraikan yang lebih besar dengan mengerjakan yang lebih kecil daripada kedua-duanya).

Melalui kaedah ini, pendapat daripada al-Ghazali bahawa mengutip cukai adalah haram. Tetapi sekiranya tentera tidak memiliki wang yang cukup dan Baitulmal tidak boleh menanggungnya, maka dibenarkan pemerintah mengutip cukai daripada golongan-golongan kaya untuk menampung keperluan ketenteraan. Ini sekiranya negara berada dalam keadaan terancam.

2. يتحمل الضرر الخاص لأجل دفع ضرر العام (ditanggung kemudaran yang khusus kerana menolak kemudaran yang umum)

Berdasarkan kaedah *fiqhiyyah* ini, al-Qaradawi berpendapat sekiranya mengutip cukai mendatangkan kemudaran khusus iaitu harta rakyat berkurangan dan dalam waktu yang sama sekiranya cukai tersebut tidak dikutip akan membantutkan *maslahah* umum, maka kerajaan dibenarkan mengutip cukai demi *maslahah* umum tersebut. Contoh *maslahah* umum ialah seperti sekolah, masjid dan seumpamanya.

3. الضرورات تبيح المحظورات (kemudaran mengharuskan perkara yang dilarang)

Dibolehkan mengutip cukai jika terdapat *maslahah daruriyyat* tetapi dengan syarat, *maslahah* tersebut dikenalpasti dan agihan memenuhi syaratnya.

4. تحمل الضرر الأدنى لدفع الضرر الأعلى (ditanggung kemudaran yang rendah bagi menolak kemudaran yang lebih tinggi)

Menurut al-Zayla'i, sebagaimana dalam kertas muzakarah, sekiranya baitulmal sudah ketiadaan sumber maka dibolehkan mengutip cukai sebagai memberi galakan jihad khusus dalam ketenteraan. Ini adalah bagi *maslahah hajiyyah* untuk jihad.

5. الشريعة وضعت لمصالح العباد ودرء المفاسد (pensyariat Islam adalah untuk kemaslahatan hamba dan menolak kerosakan)

Memetik pendapat al-Syatibi, jika pemimpin tidak menggunakan sistem percukaian, kuasa akan tergugat dan negara akan terdedah kepada penguasaan kuasa kafir. Oleh itu, dibolehkan mengutip cukai tetapi dengan syarat kuasa yang dimiliki oleh pemimpin tersebut digunakan secara adil.

3. Pelaburan Dalam ASN, ASB Dan Seumpamanya

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan Pelaburan Dalam ASN, ASB Dan Seumpamanya. Berikut merupakan dalil dan hujah *darurah* yang dikemukakan oleh jawatankuasa:

Dalil-dalil al-Quran:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarah ayat 173:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَّحِيمٌ

Ertinya: “ Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu) maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

2. Firman Allah S.W.T dalam surah al-An’am ayat 119:

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَّا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُررْتُمْ إِلَيْهِ وَإِنَّ كَثِيرًا لَّيُضِلُّونَ بِأَهْوَائِهِمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِالْمُعْتَدِينَ

Ertinya: “ Dan tidak ada sebab bagi kamu, (yang menjadikan) kamu tidak mahu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, padahal Allah telah menerangkan satu persatu kepada kamu apa yang diharamkanNya atas kamu, kecuali apa yang kamu terpaksa memakannya. Dan sesungguhnya kebanyakan manusia hendak menyesatkan dengan hawa nafsu mereka dengan tidak berdasarkan pengetahuan. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia lah yang lebih mengetahui akan orang-orang yang melampaui batas.”

Dalam konteks muamalat, syarat kehilangan nyawa tidak terpakai kerana ianya tidak sampai kepada had kematian. Syarat yang memadai untuk dielakkan dalam muamalat ialah jika menimbulkan kesusahan dan kepayahan dalam kehidupan. Walaubagaimana pun, keharusan memakan benda yang haram tetap terikat dengan firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarah ayat 173 yang bermaksud “tidak menginginkan dan tidak melampauai batas”, serta surah al-Maidah ayat 3 yang bermaksud “tanpa sengaja berbuat dosa”.

Dalil Hadis:

Nabi dan sahabat juga pernah berurusan dengan orang musyrikin dan mereka masih tidak meninggalkan perkara yang haram. Bermuamalat dengan orang yang mempunyai harta haram lebih banyak daripada yang halal adalah makruh selagi tidak ditentukan benda yang haram.

Dalil kaedah-kaedah *fiqhiyyah*:

1. الحاجة تنزل منزلة الضرورة (hajat menduduki kedudukan *darurah*)

2. الحاجة تقدر بقدرها (hajat dihadkan mengikut kadarnya)

Di sini ulama mengembangkan prinsip hajat atas kaedah الحاجة تنزل منزلة الضرورة tetapi diperincikan dengan kedudukan yang mensyaratkan sekadar keperluan berdasarkan kaedah الحاجة تقدر بقدرها.

Dalil *maqasid shari'ah*:

Kedudukan ekonomi orang Islam Melayu tenat dan mencapai tahap *darurah* dari aspek berkelompok. Penilaian ini bukan pada sudut ekonomi individu. Penekanan kepada *hifz al-mal* (penjagaan harta) dalam Islam turut dijaga untuk keutuhan dan kekukuhan ekonomi umat sebagai faktor penerus dan kemajuan umat Islam. Namun anggapan keharusan melabur dalam bank riba atau amanah saham konvensional yang tidak patuh Syariah, perlu dilihat lebih teliti supaya sesuai dengan kehendak syarak. Ini juga kerana konteks hajat yang menduduki kedudukan *darurah* agak susah ditentukan tahapnya yang sebenar.

4. Hukum Pelaksanaan Takaful Di Malaysia

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan Hukum Pelaksanaan Takaful Di Malaysia. Berikut merupakan dalil dan hujah *darurah* yang dikemukakan oleh jawatankuasa:

Dalil kaedah *fiqhiyyah*:

الضرورة تبيح المحظورات (kemudahan mengharuskan perkara yang dilarang)

Amalan takaful dilihat sebagai perkara yang *daruri* bagi umat Islam berdasarkan kaedah tersebut. Ini kerana takaful memberi pampasan terhadap musibah yang menimpa umat Islam.

Dalil lain:

Takaful menjadi keperluan dan kemestian bagi umat Islam untuk menghilangkan kesukaran terutama apabila ditimpa musibah. Sekiranya takaful dilarang maka menyebabkan umat Islam berada dalam kesukaran.

5. Hukum Bermuamalat Dengan Bank-bank Perdagangan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-32 yang bersidang pada 10-11 Jun 1993 telah membincangkan Hukum Bermuamalat Dengan Bank-Bank Perdagangan. Isu ini dipecahkan kepada dua aspek iaitu hukum bekerja dengan bank dan hukum membuat pinjaman dengan bank perdagangan. Bagi hukum bekerja dengan bank perdagangan, diharuskan berdasarkan dalil-dalil berikut:

Dalil al-Quran:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarah ayat 173:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَحُمَّ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Ertinya: “ Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu) maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

Dalil lain:

1. Amalan-amalan di bank tersebut kebanyakan terlibat dengan unsur riba. Maka mereka yang bekerja hendaklah menunaikan kewajiban terhadap Tuhan dan mengharapkan pahala.
2. Kebanyakan orang asing akan memonopoli aktiviti perbankan sekiranya orang Islam tidak terlibat dalam sistem ini.

Manakala bagi hukum membuat pinjaman di bank diharuskan dengan hujah berikut:

Dalil al-Quran:

1. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarah ayat 173:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Ertinya: “ Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu) maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

Dalil kaedah *fiqhiyyah*:

الضرورة تقدر بقدرها (kemudahan dihadkan mengikut kadarnya)

Haram melakukan pinjaman dengan bank yang terlibat dengan aktiviti riba melainkan atas dasar terdesak dan keperluan seperti pinjaman membeli rumah. Ini berdasarkan kaedah *fiqhiyyah* dan ayat al-Quran tersebut.

ANALISIS PENDALILAN *DARURAH* DALAM ISU MUAMALAT OLEH JAWATANKUASA FATWA MKI

Terdapat keputusan muzakarah yang tidak memutuskan bahawa isu tersebut diputuskan kerana *darurah* secara khusus, namun pihak jawatankuasa tetap menggunakan beberapa dalil *darurah* dalam perbincangan mereka. Keputusan muzakarah yang dipilih adalah daripada tahun 1970 hingga tahun 2015. Dalil-dalil yang dikemukakan oleh jawatankuasa tidak hanya tertumpu kepada nas-nas al-Quran dan Hadis. Kaedah-kaedah *fiqhiyyah* juga digunakan sama ada sebagai dalil utama bagi *darurah* ataupun dalil sokongan bagi nas-nas yang telah dikemukakan. Selain itu, penghujahan *maqasid* memberi kekuatan dalam isu yang berlaku, seperti hukum pelaburan ASB, ASN dan seumpamanya. Jawatankuasa juga mengemukakan fakta-fakta yang berkaitan dalam menyokong dalil-dalil yang digunakan. Berdasarkan penelitian terhadap kertas muzakarah dalam isu-isu tersebut, terdapat dalil dan hujah yang dikemukakan penjelasan dan huraian. Namun, terdapat juga dalil dan hujah yang dikemukakan tanpa sebarang penjelasan terutamanya berkaitan dengan isu yang dibahaskan.

Bagi isu penyucian dividen simpanan ahli KWSP sedia ada sebelum bertukar ke akaun KWSP yang patuh Syariah (KWSP-Islamik), dalil al-Quran dan Hadis yang dikemukakan tersebut dilihat berperanan sebagai hujah umum yang menjelaskan bahawa Islam adalah agama yang mudah dan tidak membebankan umatnya. Nas al-Quran tersebut iaitu surah al-Baqarah ayat 185 dan surah al-Haj ayat 78 merupakan nas yang tidak *sorih*. Dalil-dalil tersebut diperincikan lagi dengan kaedah *fiqhiyyah* yang menolak *masyaaqqah* dalam tuntutan taklif. Dalam isu ini, hujah-hujah rasional yang dikemukakan terutama yang melibatkan undang-undang tubuh KWSP serta realiti caruman bagi pencarum-pencarum KWSP, menunjukkan terdapat *darurah* yang perlu diraikan.

'Illat bagi keharusan mengutip Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang digunakan oleh jawatankuasa adalah kemaslahatan. Kaedah-kaedah *darurah* yang dikemukakan bukan sahaja sebagai hujah bagi *darurah*, akan tetapi dilihat sebagai penguat kepada kemaslahatan yang dipertimbangkan dalam konteks pungutan cukai. Seumpama kaedah *المحظورات الضرورات تبيح* (*darurah* mengharuskan perkara yang dilarang), *يتحمل الضرر الخاص لأجل دفع ضرر* (menanggung kemudaratan khas kerana menolak kemudaratan umum) *العام* dan *تحمل الضرر الأدنى لدفع الضرر الأعلى* (menanggung kemudaratan kecil kerana menolak kemudaratan yang besar). Ketiga-tiga kaedah ini sekalipun menyentuh berkaitan dengan *darurah*, namun ianya dikaitkan dengan kemaslahatan mengutip cukai sama ada untuk rakyat ataupun negara. Kemaslahatan terhasil melalui penolakan kemudaratan sama ada umum ataupun yang khusus.

Keputusan muzakarah yang mengharuskan pelaburan dalam ASN, ASB dan seumpamanya adalah bersandarkan kepada nas al-Quran yang *sorih* iaitu surah al-Baqarah ayat 173 dan al-An'am ayat 119. Nas al-Quran yang dijadikan hujah tersebut adalah berkaitan dengan *darurah* memakan benda yang diharamkan kerana ancaman kepada nyawa. Maka dalam konteks ASN dan ASB ini, sekalipun tidak melibatkan ancaman nyawa, tetapi kepayahan dan kesusahan yang dialami dalam aspek harta mengharuskan mualamat tersebut. Manakala kaedah-kaedah *fiqhiyyah* pula menekankan skop *darurah* tersebut adalah berpunca daripada hajat yang berada pada kedudukan *darurah*. Namun, konteks hajat tersebut tidak diperincikan dengan jelas.

Isu takaful dilihat dalam konteks penjagaan harta untuk umat Islam yang dialami oleh mereka saat ditimpa musibah. Sekiranya golongan yang bukan Islam mempunyai insurans sebagai elemen penyelamat dan pembantu harta-harta mereka, maka takaful yang bersifat *ta'awun* (tolong menolong) dilihat

mampu membantu umat Islam. Kaedah *fiqhiyyah* yang dikemukakan tidak dijelaskan peranannya dalam isu ini. Perkara yang dilarang menjadi harus kerana *darurah* juga tidak diperincikan. Pengkaji berpendapat, kaedah المشقة تجلب التيسير (kesukaran menarik kemudahan) boleh dijadikan sebagai salah satu hujah bagi isu ini, memandangkan *masyaqqah* harta yang dialami oleh seseorang apabila ditimpa musibah. Sekalipun takaful ini berkonsepkan *ta'awun* atas dasar akad *tabarru'*, namun dengan perkembangan semasa kini menunjukkan ianya telah bertukar kepada akad *mu'awadah* iaitu pertukaran barangan atau nilai. (Azman Mohd Noor & Mohamad Sabri Zakaria: 2010).

Dalam isu muamalat dengan bank perdagangan pula, terdapat dua kategori yang dibahaskan iaitu hukum bekerja dan hukum membuat pinjaman. Jawatankuasa hanya menggunakan satu nas al-Quran yang *sorih* iaitu al-Baqarah ayat 173 beserta satu kaedah *fiqhiyyah*. Namun, penjelasan yang dikemukakan agak umum dan tidak menampakkan kedudukan keperluan yang mendesak untuk bermuamalat dengan bank-bank tersebut. Aspek *maqasid* yang mengharuskannya tidak dinyatakan dengan jelas sama ada dalam konteks harta, jiwa dan seumpamanya. Dalam konteks semasa kini, pengkaji berpendapat bahawa dengan proses islamisasi perbankan di negara ini, hukum bermuamalat dengan bank yang hanya mengamalkan urusan niaga konvensional tidak lagi berada dalam situasi yang mendesak. Ini kerana muamalat secara Islam dalam perbankan kini makin meluas. Bahkan setakat ini sebanyak 16 buah bank telah berada dalam senarai patuh Syariah (Bank Negara Malaysia: 2017).

Berikut merupakan analisa dalil-dalil yang digunakan oleh jawatankuasa bagi keputusan muzakarah dalam aspek muamalat yang telah dianalisis:

Jadual 1.0: Dalil-dalil *Darurah* Dalam Keputusan Muzakarah Bagi Isu Muamalat Yang Terpilih

Al-Quran	Hadis	Kaedah <i>Fiqhiyyah</i>
Al-Baqarah ayat 185	بَشِّرُوا وَلَا تُنْقِرُوا وَيَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا	المشقة تجلب التيسير
Al-Haj ayat 78		والأمر إذا ضاق اتسع
Al-Baqarah ayat 173		إذا تعارضت مفسدتان روعي أعظمهما بارتكاب أخفهما

Al-An'am ayat 119	يتحمل الضرر الخاص لأجل دفع ضرر العام
	الضرورات تبيح المحظورات
	تحمل الضرر الأدنى لدفع الضرر الأعلى
	الشريعة وضعت لمصالح العباد ودرء المفاسد
	الحاجة تنزل منزلة الضرورة
	الحاجة تقدر بقدرها
	الضرورة تقدر بقدرها

Kebanyakan dalil atau hujah daripada jawatankuasa ialah kaedah-kaedah *fiqhiyyah* iaitu sebanyak 10 kaedah. Sebanyak empat nas sebagai dalil daripada al-Quran yang meliputi nas *sorih* dan juga nas tidak *sorih*. Manakala satu Hadis sahaja yang dikemukakan sebagai dalil. Menurut Jamil Muhammad Mubarak (2003), ayat-ayat *darurah* dalam surah al-Baqarah ayat 173, al-Maidah ayat 3, al-An'am ayat 145 dan al-Nahl ayat 115 menunjukkan keadaan *darurah* setelah menyebut perkara-perkara yang diharamkan. Manakala dalam surah al-An'am ayat 119 menjelaskan *darurah* setelah menyebut perkara yang harus. Difahami daripada kelima-lima ayat tersebut bahawa terdapat nas khusus berkaitan *ضرورة المخصصة* iaitu keadaan yang bersangatan lapar (Al-Zuhaili: 1997). Selain daripada ini, nas yang digunakan sebagai dalil *darurah* adalah dalam bentuk mengangkat kesusahan dan memberikan kemudahan.

Daripada dapatan yang diperolehi daripada pendalilan yang digunakan oleh jawatankuasa berkaitan *darurah*, pengkaji mencadangkan perlu beberapa penambahbaikan dalam pendalilan tersebut bagi isu-isu yang telah dibincangkan:

- i. Penggunaan nas-nas al-Quran dan Hadis perlu diperincikan secara khusus kepada isu dan tidak hanya dikemukakan dalam bentuk yang umum. Walaupun tidak dinafikan dalil-dalil tersebut adalah berbentuk umum ataupun khusus, namun perincian terhadap isu lebih utama untuk difokuskan. Aspek kemudatan perlu dinyatakan untuk disesuaikan dengan nas-nas tersebut.

- ii. Sebagaimana kaedah-kaedah *fiqhiyyah* yang digunakan oleh jawatankuasa, dicadangkan penggunaan kaedah *fiqhiyyah kubra* yang berautoriti besar dalam pendalilan. Kemudian kaedah-kaedah *fiqhiyyah furu'iyah* dijadikan sokongan dan penguat.
- iii. Penekanan aspek *maqasid al-shariah* perlu jelas pada *kulliyat al-khams* iaitu penjagaan agama, jiwa, keturunan, akal dan harta, sekalipun tidak dinafikan dalam konteks muamalat *hifz mal* (penjagaan harta) lebih diutamakan. Namun, implikasi penjagaan harta juga akan memberi kesan kepada aspek *kulliyat al-khams* yang lain.

Kesimpulan

Fleksibiliti hukum dalam Islam bukanlah sesuatu yang boleh diambil mudah sehingga menjatuhkan nilai dan disiplin sesuatu ilmu. Ulama sebagai pendokong perlu merungkaikan isu yang berlaku terutama *al-nawazil* (isu-isu baru yang tiada nas serta memerlukan ijtihad untuk penentuan hukum) dengan dalil dan hujah yang tepat dan sesuai. Dalam konteks Malaysia, proses pempfatwaan yang berlaku melibatkan pendalilan bagi *al-nawazil* melalui jawatankuasa yang berautoriti iaitu daripada Jabatan Mufti bagi peringkat negeri dan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia bagi peringkat kebangsaan. Mereka yang terlibat dalam proses penjelasan hukum bagi isu-isu yang berlaku akan menggunakan dalil-dalil yang bersesuaian agar hukum yang diputuskan adalah betul dan menepati realiti keadaan terutama masyarakat di Malaysia. Antara penilaian yang perlu kepada ketelitian adalah aspek *darurah*. Hal ini bukan sahaja melibatkan perkara ibadat semata, tetapi melangkaui kepada aspek muamalat dan juga munakahat. Dalil-dalil serta hujah yang dikemukakan perlu mempunyai kekuatan dan bersesuaian dengan isu *darurah* yang dibincangkan. Justeru salah satu badan pempfatwaan yang berperanan besar di Malaysia ialah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) di bawah seliaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Jawatankuasa MKI ini dianggotai daripada pakar pelbagai bidang untuk membantu untuk menjelaskan hukum kepada masyarakat dalam aspek yang pelbagai.

RUJUKAN

- Abdul Majid Muhammad al-Susuh. (2011). *Buhuth Mu'asirah Fi Usul al-Fiqh*. Oman: Dar al-Masirah, cet. 1.
- Abdul Rahman al-Kailani. (2006). *Al-Qawa'id al-Usuliyah Wa al-Fiqhiyyah Wa 'alaqatuha bi Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Dalam *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah Dirasat Fi Qadaya al-Manhaj Wa Majalat al-Tatbiq*. United Kingdom: Muassasah al-Furqan Li al-Turath al-Islami Markaz Dirasat Maqasid al-Shari'ah al-Islamiah, cet. 1.
- Abdul Wahab Ibrahim. (1993). *Fiqh al-Darurah Wa Tatbiqatuhu al-Mu'asirah Afaqun Wa Ab'adun*. Saudi: Al-Bank al-Islami Li al-Tanmiah al-Ma'had al-Islami Li al-Buhuth Wa al-Tadrib.
- Ahmad Murshidi Mustapha. 2019. *Aplikasi Darurah Dalam Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Tesis PhD, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.
- Azman Mohd Noor & Mohamad Sabri Zakaria. (2010). *Takaful: Analisis Terhadap Konsep Dana Akad*. Jurnal Muamalat. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, bil. 3.
- Ismail Kaukasal. (2000). *Taghayyur al-Ahkam Fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah, cet. 1.
- Khalid bin Abdullah. (2008). *Dirasat Tatbiqiyyah Shar'iyah li al-Ta'amul Ma'a Masail al-Nawazil Wa al-Mustajiddat*. Kertas kerja, Nadwah al-Ikhtilaf, Riyadh 29 Mei 2008.
- Maher Zib Abu Syawish. (2013). *Dawabit al-Nazar Fi al-Nawazil Wa Madarik al-Hukmi 'Alaiha*. Majalah Syari'ah wa al-Qanun. Kuliah al-Qanun, Jami'ah al-Imarat al-'Arabiyyah al-Muttahidah, bil 25.
- Mohd Daud Bakar. (1997). *Instrumen Fatwa dalam Perkembangan Perundangan Islam*. Jurnal Syariah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, j. 5, bil. 1.
- Muhammad bin Faramuz. (2011). *Mirat al-Usul Fi Sharh Mirqat al-Wusul*. Beirut: Dar Sadir.

- Muhammad Fuad al-Barazi. (2009). *Atharu al-Darurah Wa al-Hajah Wa 'Umum al-Balwa Fima Yahillu Wa Yahrumu Min al-Mihani Wa al-Wazaif Kharija Diyar al-Islam*. Kertas kerja Mukhtamar al-'Am al-Thani Wa al-'Ishrin Li al-Majlis al-A'ala Li Syuun al-Islamiyyah, Kaherah: 8-11 Rabiulawwal 1431 H.
- Muhammad Safwan Harun, Luqman Abdullah & Abdul Karim Ali. 2020. Analisis Prinsip Al-Darurah Dalam Pinjaman Berasaskan Riba Bagi Tujuan Pemilikan Rumah Dalam Kalangan Minoriti Muslim. *Azka International Journal Of Zakat*. Akademi Zakat Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Vol. 1, no. 1.
- Sumayyah Abdul Aziz & Ridzwan Ahmad. (2016). *Satu Penilaian Semula Konsep al-Darurah Dalam Kewangan Islam Semasa*. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. Universiti Sultan Zainal Abidin. Bil. 13.
- Wahbah al-Zuhaili. (2011). *Al-Ijtihad Fi 'Asrina Haza Min Haithu Al-Nazariyyat Wa Al-Tatbiq*. *Majalah Dirasat al-'Alam Al-Islami*, Graduate School of Asian and African Area Studies (ASAFAS), Kyoto University, bil. 3.
- Wahbah al-Zuhaili. (1985). *Nazariyyat al-Darurah al-Shar'iyah Muqaranah Ma'a Qanun al-Wad'i*. Beirut: Muassasah al-Risalah, cet.2.
- Ridzwan Ahmad. (2005). *Standard Maslahah dan Mafsadah Dalam Penentuan Hukum Semasa Di Malaysia*. Tesis doktor falsafah. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Qutb al-Raisuni. (2007). *Al-Taisir al-Fiqhi Mashru'iyatuhu Wa Dawabituhu Wa 'Awaiduhu*. Beirut: Dar Ibn Hazm, cet. 1.
- Qutb Mustaffa Sanu. (2000). *Adawat al-Nazar al-Ijtihadi al-Mansyud Fi Dui al-Waqi' al-Mu'asir*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, cet. 1.
- Yusuf al-Qardawi. (2001). *Fiqh al-Aulawiyat Dirasat Jadidah Fi Dui al-Quran Wa al-Sunnah*. Beirut: Muassasah al-Risalah, cet. 1.
- Zaini Nasohah. (2005). *Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa Di Malaysia*. *Jurnal Islamiyyat*, Universiti Kebangsaan Malaysia, bil. 27.

Lihat laman sesawang

<http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=islamic&type=IB&fund=0&cu=0>. Tarikh akses pada 15 September 2017.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.